



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ), KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

Tarikh : 8 Julai 2025 (Selasa)
Masa : 2.30 petang
**Tempat : Bilik Gerakan, Aras 15
Menara KBS**
**Pengerusi : YBr. Tuan Haji Abdullah bin Hasan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Belia dan Sukan**
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YBr. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran pihak pegawai dan pihak pekerja ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bilangan 2 Tahun 2025. YBr. Tuan Pengerusi memaklumkan YBhg. Dato' Ts. Dr. KSU tidak dapat mempengerusikan mesyuarat berikutan urusan penting yang tidak dapat dielakkan.
- 1.2 Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara-perkara berikut:
 - 1.2.1 Penilaian prestasi akan sepenuhnya mengguna pakai submodul MyPerformance dalam sistem HRMIS mulai tahun 2025. Pegawai Yang Dinilai (PYD) perlu memastikan pencapaian Sasaran Kerja Utama (SKU) telah dikunci masuk dan dinilai bagi sukuan pertama (tamat pada 30 April 2025) serta sukuan kedua yang berakhir pada 31 Ogos 2025. Perkara ini telah dimaklumkan melalui hebahan e-mel oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).
 - 1.2.2 Kerjasama PYD dan Pegawai Penilai (PP) perlu bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak menjejaskan pelaksanaan akhir penilaian prestasi kelak.

- 1.2.3 Pengerusi turut menekankan komitmen semua pihak untuk hadir dalam setiap pelaksanaan MBJ bagi memastikan ketetapan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu bermesyuarat tiga (3) kali setahun dapat dipenuhi.
- 1.2.4 Warga KBS terutama wakil pekerja digalakkan untuk menyokong dengan menekan butang 'like' setiap program, aktiviti serta inisiatif yang dilaksanakan oleh KBS dan mengikuti (*follow*) saluran media sosial rasmi KBS seperti TikTok, Instagram, Facebook dan Twitter.

Makluman

2. PERUTUSAN PENERUSI PIHAK PEKERJA

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perutusan wakil Pengerusi Pihak Pekerja seperti berikut:
 - 2.1.1 Pemakluman ketidakhadiran Pengerusi Pihak Pekerja kerana terlibat dengan Penilaian Pusat Latihan Terbaik yang sedang berlangsung di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam.
 - 2.1.2 Merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) selaku urus setia MBJ dalam penganjuran mesyuarat MBJ Bil. 2 Tahun 2025.
 - 2.1.3 Memaklumkan bahawa tahun 2025 merupakan tahun terakhir bagi lantikan pihak pekerja MBJ Sesi 2024/2025 dan lantikan baharu bagi Sesi 2025/2026 akan diadakan sebelum MBJ Bil. 1 Tahun 2026 diadakan.
 - 2.1.4 Cadangan agar mesyuarat terakhir bagi penggal ini dilaksanakan di Sabah sebagai peluang untuk mendengar secara langsung isu-isu yang dibangkitkan oleh warga Borneo serta sebagai tanda penghargaan kepada ahli MBJ sedia ada yang telah menunjukkan komitmen dan sumbangan yang tinggi sepanjang tempoh pelantikan. Cadangan penganjuran mesyuarat MBJ di Sabah telahpun dirancang pada tahun lalu, namun terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
 - 2.1.5 Pembangunan laman sesawang MBJ, KBS sedang dalam proses pelaksanaan dan masih berada dalam fasa penambahbaikan. Ahli mesyuarat yang belum mengambil gambar atau mengemaskini gambar terkini dimohon untuk berbuat demikian dengan segera bagi

melengkapkan maklumat dalam laman sesawang tersebut. Mesyuarat turut merakamkan penghargaan kepada urus setia MBJ atas usaha dan komitmen dalam menjayakan pembangunan laman sesawang ini.

- 2.1.6 Wakil pihak pekerja iaitu Encik Mohamad Halimi bin Jaafar, wakil skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) telah bertukar keluar ke Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mulai 4 Julai 2025 dan tempat beliau akan digantikan oleh Puan Rubi Tasyahida binti Mukhtar.
- 2.1.7 Merakamkan penghargaan kepada pihak pegawai yang sentiasa cakna akan kebajikan warga KBS serta memberi komitmen dan perhatian kepada isu yang diutarakan dalam mesyuarat MBJ yang diwakili oleh semua skim perkhidmatan di KBS.
- 2.1.8 Supaya semua wakil skim perkhidmatan terus memberikan komitmen yang tinggi bersama-sama pihak pegawai dalam memberikan penyelesaian terbaik dalam menjaga nama baik KBS sepanjang tahun 2025.

Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 3.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KBS Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 24 Februari 2025 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

4. MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MBJ KBS BILANGAN 1 TAHUN 2025

- 4.1 **Cadangan Mempamerkan Carta atau Senarai Wakil Pekerja Ahli MBJ, Perlembagaan MBJ Dan Maklumat Berkenaan Isu Serta Maklum Balas Dalam MBJ Kepada Warga KBS**

- 4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Portal MBJ telah selesai dibangunkan dan dalam fasa pengujian. Pengumpulan usul melalui portal telah diuji dan cadangan penambahbaikan sedang diambil tindakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

- 4.1.2 Hebahan dan pemakluman akses kepada warga KBS akan dilaksanakan selepas selesai penambahbaikan ke atas portal berkenaan. Penambahbaikan ke atas portal juga akan diteruskan dari

semasa ke semasa bagi memastikan maklumat terkini sentiasa tersedia dan akses ke portal dapat dicapai oleh semua warga KBS.

[SELESAI]

Makluman

4.2 Cadangan Pegawai Menunggang Motosikal Mencarum Insurans PERKESO

Mesyuarat mengambil maklum CUEPACS Care telah membuka booth di Menara KBS pada Januari dan April 2024. Pada tahun ini, jemputan telah dikemukakan kepada pihak CUEPACS Care dan pembukaan booth akan diselaraskan setelah mendapat maklum balas daripada pihak CUEPACS Care.

[SELESAI]

Makluman

4.3 Tuntutan Caj Bulanan Bayaran Bil Telefon

4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah mengambil tindakan berkaitan tuntutan caj bulanan bayaran bil telefon ini selaras dengan kadar dan kelayakan mengikut pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP2.2 – Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih yang berkuat kuasa mulai 18 Jun 2024, serta Garis Panduan (GP) Tuntutan Caj Bulanan dan Kadar Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih KBS yang dikeluarkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang turut berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

4.3.2 Mesyuarat bersetuju agar sebarang penambahbaikan yang ingin dicadangkan terhadap Garis Panduan ini dimaklumkan untuk pertimbangan dan tindakan sewajarnya.

[SELESAI]

Makluman

4.4 Tinjauan Keseronokan Bekerja

Mesyuarat mengambil maklum bahawa dapatan pra-kajian berhubung Pembudayaan Keseronokan Bekerja dalam Sektor Awam di KBS yang dilaksanakan mulai 7 April 2025 sehingga 9 Mei 2025 mencatatkan skor indeks yang tinggi iaitu sebanyak 8.18. Pelaksanaan pasca kajian dijangka akan dilaksanakan pada bulan September 2025 dengan kerjasama semua

pihak bagi menjayakan kajian ini.

[SELESAI]

Makluman

4.5 Pusingan Kerja di JBSN

Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan pusingan kerja termasuk permohonan pertukaran telah disyorkan oleh Pengarah JBS Negeri serta Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) dan telah dikemukakan kepada pihak BPSM pada 17 Jun 2025 untuk pertimbangan selanjutnya.

[SELESAI]

Makluman

5. CADANGAN ISU/ USUL WAKIL PEKERJA MBJ KBS BILANGAN 2 TAHUN 2025

5.1 Pusingan Kerja bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan/ Penolong Pegawai Latihan/ Pegawai Latihan (Skim E)

5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Pusingan kerja bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan/ Penolong Pegawai Latihan/ Pegawai Latihan dilaksanakan (Skim E) bagi sebab-sebab terdesak sahaja.
- ii. Pelaksanaan pusingan kerja dalam kalangan tenaga pengajar untuk bertukar dan menyesuaikan diri dengan tugas baharu berpotensi mengganggu kelancaran proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ia juga boleh menyebabkan pembaziran terhadap pelaburan dalam peningkatan kemahiran yang telah dilalui sepanjang tempoh perkhidmatan, di samping memerlukan tempoh penyesuaian yang baharu terhadap bidang tugas yang berlainan.
- iii. Sebagai perbandingan, skim perkhidmatan pendidikan di institusi pendidikan awam dan teknikal lain tidak menukar guru mata pelajaran Sains untuk mengajar subjek lain kerana menghormati kepakaran serta bidang pengkhususan yang telah diceburi sejak awal perkhidmatan.
- iv. Pelaksanaan pusingan kerja merupakan salah satu indikator penilaian *Demerit Performance Evaluation* (DEEP) bagi Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian yang merangkumi pegawai skim

perkhidmatan di bawah KSU KBS, iaitu Pembantu/ Penolong/ Pegawai Belia dan Sukan (S) serta Pembantu/ Penolong/ Pegawai Latihan (E) pada jawatan sensitif dan bukan sensitif.

5.1.2 Mesyuarat bersetuju:

- i. Pusingan kerja Skim E di KBS dilaksanakan berdasarkan bidang yang bersesuaian dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak JPA bahawa isu bidang penyandang dan proses PDP yang sedang berjalan menyukarkan pusingan kerja dilaksanakan.
- ii. Kajian penambahbaikan skim sedang dilaksanakan di bawah SSPA 2.0. Pihak Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) disyorkan untuk mengemukakan cadangan bersesuaian mengenai penambahbaikan skim E ini untuk dipanjangkan ke JPA sekiranya ada.

Makluman

5.2 Kursus-Kursus Generik kepada Penyandang Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan/ Penolong Pegawai Latihan/ Pegawai Latihan (Skim E)

5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Pada masa ini, tiada peruntukan khusus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) KBS yang merangkumi pembangunan laluan kerjaya yang jelas dan menyeluruh bagi pegawai dalam Skim E. Keadaan ini menyebabkan pegawai dan kakitangan di bawah skim tersebut berdepan kekangan dalam merancang pembangunan kerjaya secara sistematik kerana kurang mendapat pendedahan kepada latihan generik seperti kemahiran komunikasi, perundingan, pengurusan konflik, keterampilan kepimpinan, dan pemikiran kritikal yang penting bagi peningkatan kualiti kerja, prestasi, serta penyerlahan potensi kepimpinan. Tambahan pula, akses kepada kursus-kursus anjuran agensi lain seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah terhad dan tertakluk kepada jadual tertentu.
- ii. Cadangan agar ada peruntukan khusus dalam POL KBS untuk menyokong pelaksanaan latihan generik yang berfokus kepada peningkatan produktiviti dan kepuasan kerja bagi Skim E. Peluang peningkatan diri melalui latihan serta laluan kerjaya

yang terancang mampu meningkatkan motivasi, prestasi kerja, dan seterusnya mengurangkan kadar *attrition* dalam kalangan penyandang Skim E.

- iii. Penyertaan dalam kursus-kursus ini dapat meningkatkan tahap kompetensi profesional warga kerja skim ini secara menyeluruh. Selain itu, ia turut menyokong inisiatif pembangunan modal insan secara holistik sejajar dengan keperluan semasa sektor perkhidmatan awam yang semakin mencabar dan dinamik.

5.2.2 Mesyuarat bersetuju

- i. Pelaksanaan kursus adalah bergantung kepada keperluan mengikut keutamaan dan peruntukan yang disediakan. Pada masa ini, pelaksanaan kursus adalah secara menyeluruh bagi peningkatan kompetensi semua skim perkhidmatan di bawah KBS.
- ii. BPKB dimohon mengenal pasti kursus-kursus yang bersesuaian bagi pembangunan kapasiti di bawah Skim E.
- iii. Penyandang Skim E yang bercadang untuk mengikuti kursus-kursus tertentu disarankan agar berbincang terlebih dahulu dengan Ketua Jabatan masing-masing. Perbincangan ini penting bagi memastikan pegawai tersebut dapat mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan tugas semasa serta selaras dengan perancangan pembangunan kerjaya pegawai.

Tindakan:
PK (PKB)

5.3 Tempoh Masa Pembayaran Tuntutan Elaun Lebih Masa Melebihi RM800 Dipercepatkan

5.3.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Pegawai yang terlibat (pemandu kenderaan) memohon Bahagian Kewangan (BKew) mempercepatkan proses tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM) memandangkan terdapat aduan bahawa tuntutan yang melebihi RM800 memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan oleh BKew sehingga mengganggu atau menjejaskan perancangan kewangan pegawai pada bulan

tersebut.

- ii. Cadangan agar kelulusan secara *blanket approval* dipertimbangkan kepada pegawai/ penama yang pernah mempunyai rekod tuntutan di BKew yang melebihi dari kadar ELM yang ditetapkan iaitu sebanyak RM800.

5.3.2 Mesyuarat bersetuju:

- iii. Bayaran ELM mengambil masa untuk diselesaikan oleh BKew kerana memerlukan dokumen sokongan kelulusan khas sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) KBS Bil.4 Tahun 2024. Bagi tuntutan ELM bulan Februari 2025, semakan mendapati tuntutan ELM melebihi had maksimum tidak lengkap dikemukakan iaitu tanpa justifikasi oleh Ketua Jabatan. Sehubungan itu, BKew telah menyediakan format kelulusan khas dan boring tuntutan telah dikembalikan semula kepada Bahagian yang terlibat untuk pembedahan sebelum diangkat untuk kelulusan Pegawai Pengawal.
- iv. BKew sedang dalam proses membuat kajian siling pelaksanaan bayaran ELM yang melebihi RM800.

Tindakan:
SUB(Kew)

5.4 **Wujudkan Komputer Meja/ Desktop Guna Sama bagi Tujuan Mencetak Barkod Aset di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)**

5.4.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Proses mencetak barkod aset yang hilang atau terkoyak dilaksanakan oleh Pegawai Aset Bahagian dengan bantuan Pembantu Tadbir (PT) di Unit Pengurusan Aset (UPA). Sehubungan itu, memandangkan pencetakan barkod ini perlu dilakukan dengan segera, ianya akan mengganggu tugas hakiki yang perlu diselesaikan oleh PT di UPA. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan kelancaran tugas kedua-dua pihak, terutamanya apabila jumlah barkod yang perlu dicetak melebihi tiga (3) keping dalam satu-satu masa.
- ii. Cadangan agar BKP menyediakan sebuah komputer meja/ desktop khas yang boleh digunakan secara bersama oleh

semua Pegawai Aset Bahagian di Menara KBS bagi tujuan pencetakan barkod aset.

- 5.4.2 Mesyuarat bersetuju BKP menyediakan sebuah komputer meja/ *desktop* khas yang boleh digunakan secara bersama oleh semua Pegawai Aset Bahagian di Menara KBS bagi tujuan pencetakan barkod aset. Penyediaan kemudahan ini dijangka dapat mempercepat dan melancarkan proses pencetakan barkod serta mengurangkan kebergantungan kepada UPA.

Tindakan:
SUB (KP)

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Pengambilan Pelajar Latihan Industri di Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri

- 6.1.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan supaya peruntukan bagi pengambilan pelajar Latihan Industri (LI) turut diberikan sehingga ke peringkat JBS Negeri. Hal ini kerana kebanyakan JBS Negeri telah menerima permohonan bagi pelajar yang ingin menjalani LI, namun terpaksa ditolak memandangkan tiada peruntukan disediakan bagi membiayai pelajar LI ini. Pengambilan pelajar LI ini akan dapat membantu pelaksanaan program di peringkat negeri selain memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk mendapatkan tempat yang bersesuaian dengan kursus pengajian yang diikuti serta berhampiran dengan tempat tinggal.
- 6.1.2 Mesyuarat bersetuju supaya pihak JBSN mengemukakan statistik permohonan pelajar LI di JBS Negeri ke BPSM bagi pertimbangan selanjutnya Pengurusan Tertinggi KBS.

Tindakan:
KP JBSN

6.2 Pusingan Kerja Kader Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan

- 6.2.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:
- i. JBSN mencadangkan agar pusingan kerja bagi jawatan kader Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan dibuat setiap tiga (3) tahun sekali bagi memberi peluang dan pendedahan kepada pegawai untuk meningkatkan kompetensi dalam pelbagai bidang

mengikut penempatan.

- ii. supaya pegawai lantikan baharu ditempatkan di Kementerian terlebih dahulu sebelum ditempatkan di jawatan kader. Cadangan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai baharu mengenai fungsi utama KBS termasuk Jabatan dan Agensi di bawahnya terutamanya dalam bidang pembangunan belia dan sukan.
- iii. BPSM menyambut baik cadangan pihak JBSN dan akan melaksanakan pusingan kerja pegawai-pegawai sedia ada bagi menempatkan pegawai lantikan baharu KBS di Kementerian/ Jabatan. Ketua-Ketua Jabatan perlu sentiasa mengingatkan pegawai di bawah seliaan masing-masing agar mematuhi arahan pertukaran yang dikeluarkan.

6.2.2 Mesyuarat bersetuju BPSM menyusul perkara ini.

Tindakan:
SUB (SM)

6.3 Program untuk Kader KBS

6.3.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. Mesyuarat mencadangkan agar satu sesi libat urus/ mesyuarat/ seminar bagi semua kader KBS diadakan sebagai platform perkongsian maklumat dan isu semasa berkaitan Kementerian/ Jabatan.
- ii. Mesyuarat bersetuju BPSM menyusul perkara ini dan turut melibatkan persatuan/ kesatuan skim berkaitan untuk terlibat bersama.

Tindakan:
SUB (SM)

6.4 Takwim Pelaksanaan MBJ

6.4.1 Mesyuarat mengambil maklum supaya takwim pelaksanaan MBJ dikongsi kepada semua Jabatan/ Agensi pelaksana MBJ bagi mengelakkan mesyuarat MBJ dilaksanakan di luar takwim yang ditetapkan oleh JPA.

Makluman

6.5 Sesi Khas Wakil Pihak Pegawai bersama Pemandu Kenderaan

6.5.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan untuk mengadakan satu sesi khas pemandu kenderaan bersama wakil pihak pegawai melibatkan BKew dan BKP bagi membincangkan isu-isu berkaitan terutamanya ELM melibatkan kumpulan perkhidmatan tersebut.

6.5.2 Mesyuarat bersetuju BKP menyusul perkara ini.

Tindakan:
SUB (KP)

6.6 Pelaksanaan Penilaian Prestasi Melalui MyPerformance

6.6.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat warga KBS yang masih belum cakna sepenuhnya proses pengisian dan pelaksanaan penilaian tahunan melalui MyPerformance. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pegawai kerana dikhuatiri akan memberi kesan kepada kenaikan gaji tahunan kelak.

6.6.2 Mesyuarat bersetuju supaya BPSM mengambil inisiatif mengadakan sesi libat urus terbuka berkaitan MyPerformance bagi memberikan pencerahan yang lebih jelas mengenai perkara ini. Wakil pekerja juga disaran untuk merujuk kepada pentadbir HRMIS di Bahagian masing-masing bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan MyPerformance bagi memastikan pengisian dan penilaian melalui MyPerformance dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.

Tindakan:
SUB (SM)

6.7 Parkir di Tepi Jalan Berhadapan Lobi Utama KBS

6.7.1 Mesyuarat mengambil maklum akan isu keselamatan berikutan tindakan individu yang meletak kenderaan mereka di kawasan hadapan/ tepi lobi KBS. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu pandangan keluar masuk kenderaan, malah turut menjejaskan tahap keselamatan warga Kementerian.

6.7.2 Mesyuarat bersetuju BKP menyusul perkara ini.

Tindakan:
SUB (KP)

6.8 Keputusan Perpindahan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

6.8.1 Mesyuarat mengambil maklum terdapat isu kesesakan dan *double parking* di Aras B2, Menara KBS yang menimbulkan kesulitan kepada warga KBS. Segelintir warga KBS mengharapkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) berpindah keluar dari premis berkenaan agar ruang parkir CAAM dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga KBS.

6.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa CAAM dijadualkan berpindah keluar mengikut perjanjian sedia ada pada tahun 2030.

Makluman

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

YBrs. Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.48 petang.


Makluman

Disediakan oleh:



.....
(WAN MARDIANA BINTI ABDUL
JALAL)

Setiausaha MBJ (Pihak Pegawai)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Belia dan Sukan
Tarikh: 14 Julai 2025



.....
(WARAWIT A/L ETAM)

Setiausaha MBJ (Pihak Pekerja)
Bahagian Kewangan
Kementerian Belia dan Sukan
Tarikh: 14 Julai 2025

LAMPIRAN A

**KEHADIRAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 2 TAHUN 2025 KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Wakil Pihak Pegawai:

1. **YBrs. Encik Abdullah bin Hasan** - Pengerusi
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Belia dan Sukan
2. **YBrs. Puan Chan Hong Jin**
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
Kementerian Belia dan Sukan
3. **Puan Azura binti Abidin**
Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara
4. **Puan Dalila binti Sharingat**
Pengarah Kemahiran
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
5. **Encik Othman bin Abdullah**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
6. **Puan Rai'dah binti Mohd Yaman**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
7. **Encik Richard Barahim**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. **Puan Wan Mardiana binti Abdul Jalal** - Setiausaha Wakil
Penolong Setiausaha Kanan Pihak Pegawai
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Wakil Pihak Pekerja:

9. **Encik Warawit A/L Etam** - b/p Wakil Pengerusi
Penolong Setiausaha Kanan /Setiausaha Pihak
Bahagian Kewangan Pekerja

10. **Encik Shahrul Nizam bin Abu Bakar**
Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
11. **Puan Noraini binti Mat Isa**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
12. **Encik Azizi Azran bin Abdullah**
Pegawai Belia dan Sukan
Sekretariat Industri Sukan
13. **Puan Zuraida Suhartini binti Asiak**
Setiausaha Pejabat
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
14. **Encik Mohd Zaiam Syah bin Abd Rashid**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Maklumat
15. **Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Daud**
Penolong Pegawai Vokasional
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
16. **Puan Rosmiza binti Che Azmi**
Penolong Akauntan
Bahagian Akaun
17. **Puan Norhaizura binti Sairan**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan
18. **Encik Nor Muhammad Firdaus bin Alias**
Pembantu Khidmat Am
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
19. **Encik Amiluddin bin Mohamed Amin**
Pembantu Khidmat Am
IKTBN Chembong
20. **Encik Che Anuar bin Che Weng**
Pembantu Khidmat Am
Pejabat Ketua Setiausaha

21. **Encik Muhammad Ashraf bin Abdullah**
Pembantu Khidmat Am
Bahagian Khidmat Pengurusan

Urus Setia:

22. **Puan Fareena Ihsan Mohd. Basri**
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
23. **Puan Khairul Najuwa binti Sholahuddin**
Pembantu Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Tidak Hadir Dengan Maaf:

24. **Ts. Dr. Loke Kok Foong**
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
25. **Puan Nur Amalina binti Holidi**
Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan
Jabatan Belia dan Sukan Negara
26. **Encik Muhamad Fahmi Ikwon bin Zahari Man**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
27. **Puan Nor Erney Salina binti Jahani**
Pembantu Tadbir
IKTBN Alor Gajah, Melaka
28. **Encik Zainorkamarul Basahidin bin Saari**
Penolong Pustakawan Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan
29. **Puan Nor Asmalena binti Mahmud**
Penolong Pegawai Latihan
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

